



Info SEKOLAH CEMERLANG

Sekolah Bestari

Paling Cemerlang

Mohd Shukor Salleh

.009595
MSS



104
Foc

INFO SEKOLAH CEMERLANG

SEKOLAH
BESTARI
PALING
CEMERLANG

Terima Kasih Tun
Jasamu dikenang selalu

Amni

Mohd Shukor Salleh
013 5287227

PUSTAKA PERDANA



1013940

© ELEGANT MIND PUBLICATION



© ELEGANT MIND PUBLICATION
Cetakan 2023

ELEGANT MIND PUBLICATION
No. Sykt: 202003167803 (003133510-U)
7-1, Jalan Tasik Selatan 8,
Bandar Tasik Selatan,
57000 Sungai Besi,
Kuala Lumpur.
Tel: 019-6216639

Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau diubah suai dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Elegant Mind Publication.

Perpustakaan
Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-
dalam-Penerbitan

Mohd Shukor Salleh, 1968-
SEKOLAH BESTARI PALING CEMERLANG
/ Mohd Shukor Salleh.
(INFO SEKOLAH CEMERLANG)
ISBN 978-967-2743-26-2 (set)
ISBN 978-967-2743-25-5
1. Schools--Malaysia.
2. Boarding schools--Malaysia.
I. Judul. II. Siri.
371.009595

Dicetak oleh: SS GRAPHIC PRINTERS (M) SDN. BHD. (252774-K)

371.009595

MSS



KANDUNGAN

PENDAHULUAN

1 Sekolah Bestari 7

- Peringkat Permulaan
- Pemangkin dalam Melaksanakan Konsep Bestari
- Senarai Sekolah Bestari
- Konsep Sekolah Bestari
- Objektif Sekolah Bestari
- Syarikat Usahasama, Telekom Smart School Sdn. Bhd.
- Penyelesaian Bersepadu Sekolah Bestari
- Kos dan Tempoh Projek Rintis
- Rancangan Masa Depan

2 Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Badlishah, Kulim, Kedah 13

- Sejarah Sekolah
- Anugerah Sekolah

3 Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria, Kuala Lumpur 17

- Sejarah Sekolah
- Sekolah Menengah Inggeris Pertama
- Lencana Sekolah
- Lagu Sekolah
- Alumni

4 Sekolah Menengah Kebangsaan Abdullah Munsyi, Georgetown, Pulau Pinang 22

- Menempa Sejarah
- Sekolah Harapan Negara
- Pencapaian

5 Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn, Butterworth, Pulau Pinang 24

- Sejarah Sekolah
- Visi dan Misi Sekolah
- Lagu Sekolah
- Kejayaan

6 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Baling, Kedah 26

- Sejarah Ringkas
- Misi, Visi dan Moto Sekolah
- Logo Sekolah
- Pembelajaran dan Pengajaran
- Prasarana

7 Sekolah Menengah Kebangsaan Derma, Kangar, Perlis 28

- Sejarah Sekolah
- Latar Belakang
- Kewangan
- Pembinaan Sekolah
- Pembukaan Rasmi
- Jawatankuasa yang Dilantik

8 Sekolah Menengah Kebangsaan King Edward VII, Taiping, Perak 34

- Sejarah Sekolah
- Zaman Pendudukan Jepun
- Zaman Kegemilangan
- Visi dan Misi Sekolah
- Lagu dan Ikrar Sekolah

- Warga Sekolah
- Lencana dan Bendera Sekolah
- Ikon dan Motto
- Rumah Sukan
- Sejarah Ragbi
- Pengetua dan Pemangku Sekolah
- Alumni

9 Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak

43

- Sejarah Sekolah
- Tumpuan Kokurikulum
- Usaha Kepimpinan
- Pelbagai Sumbangan
- Pencapaian

10 Sekolah Menengah Kebangsaan Jitra, Kedah

47

- Sejarah Sekolah
- Visi dan Misi Sekolah
- Senarai Pengetua
- Lagu Sekolah
- Pencapaian

11 Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford, Kuala Kangsar, Perak

51

- Sejarah Sekolah
- Senarai Pengetua
- Cogan Kata
- Logo dan Lencana Sekolah
- Lagu Sekolah

12 Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perak, Teluk Intan, Perak

55

- Sejarah Sekolah
- Senarai Pengetua
- Jata
- Lagu Sekolah

13 Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Menteri, Changkat Jering, Perak

57

- Sejarah Sekolah
- Pencapaian

14 Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor

59

- Sejarah Sekolah
- Pencapaian

15 Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Hisamuddin, Kelang, Selangor

60

- Sejarah Sekolah
- Pentadbir Sekolah
- Lencana Rasmi SAMTSH
- Misi dan Visi
- SAMTSH SKK BB
- Tonggak 20
- Slogan dan Cogan Kata
- Kemudahan Sekolah
- Rumah Sukan atau Firqah
- Lagu Rasmi Sekolah
- Pakaian Rasmi Pelajar Lelaki
- Pakaian Rasmi Pelajar Perempuan
- Pengawas Sekolah
- Pengawas Pusat Sumber Sekolah (PPSS)
- Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)
- Badan Dakwah dan Rohani (BADAR)
- Quartermaster (QM)
- Majlis Pengawas Asrama (MPA)
- Perwakilan Pelajar Tingkatan Enam (PPE)
- Senarai Pengetua
- Majalah Rasmi
- Pencapaian Sekolah

16

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Simpang Lima (SMASIMA), Simpang Lima, Sabak Bernam, Selangor

74

- Sejarah Sekolah
- Penukaran Nama Sekolah
- Kemasukan Pelajar
- Hala Tuju Sekolah

17

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Perak (SMKATP), Jasin, Melaka

77

- Sejarah Sekolah
- Penukaran Nama Sekolah
- Kemasukan Pelajar
- Hala Tuju Sekolah

PENDAHULUAN

Buku siri *INFO SEKOLAH CEMERLANG* ini diterbitkan bagi mengisi pengetahuan para pelajar agar dapat mengenalpasti sekolah-sekolah yang cemerlang yang terdapat di negara ini. Kedudukan kecemerlangan ini akan berubah setiap tahun bergantung kepada keputusan peperiksaan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Keberkesanan sekolah atau sekolah cemerlang boleh diukur berasaskan output atau hasil persekolahan itu. Hasil ini berbentuk pencapaian dalam bidang akademik dan bukan akademik seperti kelakuan dan disiplin pelajar yang baik, sendiri dan sikap pelajar-pelajar yang baik, kepuasan kerja guru dan keadaan sekolah yang bersih dan ceria. Keberkesanan sekolah boleh diukur melalui proses iaitu proses pengurusan dan pentadbiran sekolah efektif, pewujudan iklim budaya sekolah yang positif untuk pengajaran-pembelajaran, hubungan yang mesra antara pihak pengurusan sekolah dengan guru, guru dengan guru dan guru dengan pelajar, dan guru dengan ibu bapa.

Keberkesanan sekolah juga boleh diukur bukan sahaja melalui kecemerlangan dalam pendidikan, tetapi dari aspek ekuiti (kesaksamaan) untuk mendapatkan pendidikan tanpa mengira kebolehan dari segi kognitif, fizikal pelajar, latar belakang taraf sosioekonomi (SES) ibu bapa pelajar, latar belakang agama, bangsa dan keturunan dan fahaman pelajar. Akhir sekali, keberkesanan sekolah boleh diukur dari segi kemajuan atau peningkatan dari segi kadar pencapaian akademik pelajar dari setahun ke setahun yang ditunjukkan melalui adanya nilai tambah (*value added*) kepada kebolehan pelajar.

Sekolah cemerlang atau sekolah berkesan mempunyai maksud yang sama. Di Amerika Syarikat dan di United Kingdom bagi sekolah cemerlang, ia menggunakan istilah sekolah berkesan (*effective school*), manakala di Malaysia menggunakan istilah sekolah cemerlang yang bermaksud sekolah yang dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar iaitu daripada pencapaian akademik yang rendah meningkat kepada pencapaian akademik yang tinggi. Menurut Hussein Mahmood (1993), sekolah cemerlang bukanlah sekolah yang established atau sekolah primer tetapi sekolah yang dapat menghasilkan pencapaian akademik yang tinggi, kurang menghadapi masalah disiplin dan mendapat kepercayaan dalam kalangan masyarakat dan guru-guru merasa puas hati bekerja.

Abdul Shukor Abdullah (1991) mengatakan bahawa sekolah cemerlang ialah sekolah yang mencapai tahap terbaik, bermutu dan terunggul dalam semua bidang berkaitan dengan akademik, sahsiah, pengurusan, perhubungan, infrastruktur dan kepimpinan. Menurut Sharifah Md. Nor (2000) pula, konsep sekolah cemerlang berkait dengan kecemerlangan akademik; walau bagaimanapun guru-guru perlu menentukan perkembangan seimbang pelajar dan kemampuan pentadbir membantu guru menjalankan tugasnya dengan baik. Bagi membantu pelajar pula, sekolah cemerlang ialah sekolah yang mempunyai guru-guru yang boleh mengajar dengan berkesan supaya pelajarinya bijak, mempunyai sahsiah dan disiplin yang baik. Dalam situasi di USA, United Kingdom malah di Malaysia didapati tidak semua sekolah, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah boleh dikategorikan sebagai sekolah berkesan.

SEKOLAH BESTARI atau 'Smart School' merupakan satu konsep sekolah di Malaysia. Konsep ini diyakini bakal membawa kepada pendemokrasian pendidikan sepenuhnya. Sekolah ini bukan hanya untuk mereka yang pintar tetapi ia merupakan cara bestari bagi menjamin setiap pelajar - kuat atau lemah, kaya atau miskin bagi mencapai potensi sepenuhnya dalam cara yang paling sesuai mengikut kadar dan gaya pembelajaran yang berlainan. Teknologi komputer akan digunakan di Sekolah Bestari bagi membolehkan kepelbagaian dibina dalam sistem pendidikan.

► Peringkat Permulaan

Pada peringkat permulaan, empat mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains diperkenalkan di Sekolah Bestari dengan menggunakan teknologi terkini sebagai kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran. Semua bahan pengajaran dan pembelajaran disediakan dalam bentuk perisian yang direka oleh Pusat Perkembangan Kurikulum bersama-sama dengan Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Untuk menentukan kejayaan pelaksanaan konsep Sekolah Bestari, guru-guru di sekolah yang dipilih menjadi sekolah bestari, akan diberi latihan dalam perkhidmatan, khususnya dalam bidang pedagogi untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan teknologi terkini. Bagi sekolah-sekolah bestari yang ditubuhkan, tenaga pengajar dan pentadbirnya akan dipilih oleh Ketua Pasukan Bertugas Sekolah Bestari di bawah Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Perkembangan Sekolah Bestari telah menjadi satu arah aliran dalam perkembangan pendidikan yang tidak dapat dielakkan dalam reformasi pendidikan di Malaysia. Sekolah Bestari ini diharap dapat melahirkan pelajar-pelajar yang cerdas dan berpengetahuan, dan dijangkakan akan mampu bersaing apabila menghadapi cabaran-cabaran Wawasan Negara.

► Pemangkin dalam Melaksanakan Konsep Bestari

Pada peringkat awal konsep sekolah bestari diperkenalkan terdapat salah faham yang meluas dalam kalangan warga pendidik dan ibu bapa. Mereka menyangka bahawa sekolah bestari ialah sekolah yang mesti menggunakan komputer dan kemudahan ICT. Padahal penggunaan ICT hanyalah pemangkin dalam melaksanakan konsep bestari sedangkan terdapat banyak lagi faktor ke arah pembestarian dalam persekolahan.

Sekolah Bestari merupakan salah satu daripada tujuh Aplikasi Perdana

Koridor Raya Multimedia (1997, 2003 dan 2005) yang terdiri daripada Kad Pintar Serba Guna, Sekolah Bestari, Teleperubatan, Kerajaan Elektronik Jaringan Pengilangan Sedunia, Pemasaran Tanpa Sempadan serta Kelompok R & D. Koridor Raya Multimedia disambung kepada Global Information Superhighway bertujuan untuk:

1	Memperoleh maklumat secara visual, teks serta suara yang dihantar dengan cepat dalam kuantiti yang tidak terbatas.
2	Menggerakkan pemindahan teknologi khususnya teknologi digital, menjadikan R & D sebagai satu budaya untuk penghasilan produk baru dan perkhidmatan yang berkualiti.
3	Dokumen Sekolah Menengah yang menjadi dasar Sekolah Bestari ialah <i>Sekolah Menengahart School Flagship Application: The Malaysian Sekolah Menengahart School A Conceptual Blueprint</i> oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1977).

Projek Rintis Sekolah Bestari bermula pada tahun 1999 hingga 2002 yang melibatkan sebanyak 87 buah sekolah. Peluasan Projek Sekolah Bestari dikembangkan kepada 10,000 sekolah bermula tahun 2002 hingga 2010 di bawah Program Pembestarian Sekolah dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK8) dan Ke-9 (RMK9). Pencapaian Projek Rintis Sekolah Bestari akan dipantau di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dalam usaha untuk mewujudkan Sekolah Bestari, beberapa perubahan telah dan akan terus dilakukan. Antaranya ialah:

Bil	Usaha-usaha
1	Budaya P & P, iaitu daripada cara yang tradisional kepada cara yang berteraskan ICT.
2	Sistem pengurusan, iaitu pentadbir dan guru-guru perlu mengamalkan sistem pengurusan yang profesional.
3	Sistem penaksiran dan penilaian harus berubah daripada cara lama dan berpusat kepada cara yang berterusan dan bersifat holistik.
4	Kemudahan teknologi multimedia, iaitu meningkatkan prasarana ICT untuk tujuan P & P seperti peralatan, makmal komputer, tenaga kepakaran serta tenaga kerja yang mencukupi.

Dasar utama Kementerian Pendidikan Malaysia berkaitan dengan Sekolah Bestari adalah:

Bil	Dasar Sekolah Bestari
1	Memastikan semua pelajar celik ICT.
2	Menyelaraskan semua inisiatif ICT di bawah Jawatankuasa Maklumat Pengkomputeran Kementerian.

3	Menilai semula setiap perisian kursus yang telah dihasilkan. Mengutamakan peranan dan fungsi ICT dalam pendidikan sebagai mata pelajaran dalam P & P.
4	Menggalakkan penggunaan ICT bagi meningkatkan produktiviti, kecemerlangan serta keberkesanan sistem pengurusan.
5	Menggalakkan perkongsian pintar dengan pihak luar Kementerian Pendidikan Malaysia.

► Senarai Sekolah Bestari

Yang berikut merupakan senarai Sekolah Bestari di Malaysia.

Bil	Negeri	Nama Sekolah
1	Perlis	* Sekolah Menengah Kebangsaan Derma * Sekolah Menengah Sains Tunku Syed Putra
2	Kedah	* Sekolah Menengah Kebangsaan Jitra * Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Baling * Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Badlishah * Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim * Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa * Sekolah Menengah Sains Pokok Sena
3	Pulau Pinang	* Sekolah Menengah Kebangsaan Abdullah Munsyi * Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Onn * Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabudin
4	Perak	* Sekolah Menengah Kebangsaan King Edward VII (1883) * Sekolah Menengah Clifford * Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perak * Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Menteri * Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Permaisuri Bainun
		* Sekolah Menengah Sains Raja Tun Azlan Shah * Sekolah Tuanku Abdul Rahman * Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) * Sekolah Menengah Sains Teluk Intan
5	W. P. Kuala Lumpur	* Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria

Sekolah Bestari adalah salah satu *flagship* dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dilaksanakan menjelang tahun 2000. Menjelang tahun 1999, sebanyak 90 buah sekolah termasuk sekolah-sekolah asrama penuh dan sekolah pilihan harian biasa telah dipilih untuk melaksanakan Sekolah Bestari bukanlah satu kemewahan tetapi satu-satunya cara untuk maju ke hadapan. Tiga aspek penting yang ditangani dalam pelaksanaan Sekolah Bestari ialah:

Bil	Aspek
1	Menyediakan infrastruktur pelbagai media. Perkakasan akan merangkumi komputer dan alatan berkaitan, peralatan sidang video dan audio dan infrastruktur komunikasi. Perisian akan mengandungi pemproses perkataan, spreadsheet, perisian penjaringan, perisian e-mail, browser internet, alat pengarang dan perisian latihan.
2	Aspek latihan. Latihan bagi guru-guru amat penting. Gabungan rapi antara latihan intensif dan kaunseling adalah perlu untuk membantu guru menyesuaikan diri dengan persekitaran baru. Ini penting untuk menghapuskan rasa tidak selamat dan tidak berguna yang akan timbul kerana anjakan paradigma yang radikal dalam perkaedahan dan peranan guru.
3	Aspek bahan kursus. Bahan kursus yang baru, kemaskini, dan mencukupi perlu disediakan. Bahan kursus perlu diperkembangkan bagi semua mata pelajaran dan pelbagai jenis pelajar. Bahan kursus perlu mempamerkan ciri yang berikut: pual disket yang lengkap, interaktif, mencabar daya kognitif pelajar, mengandungi penilaian sendiri, penyemakan bina dalam bagi input guru penyediaan bahan untuk pelajar yang lemah.

► Konsep Sekolah Bestari

Pada tahun 1996, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal konsep Sekolah Bestari berpusatkan pengajaran dan pembelajaran berpemikiran kritis dan kreatif. Teknologi sebagai pengupaya menjadi komponen penting dalam konsep Sekolah Bestari apabila Projek Sekolah Bestari diwujudkan sebagai satu daripada Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia.

Sekolah Bestari Malaysia ialah institusi pembelajaran yang direka semula secara menyeluruh dan segi proses pengajaran-pembelajaran dan pengurusan sekolah untuk membantu murid menghadapi cabaran zaman maklumat. Proses pengajaran pembelajaran, iaitu proses berkaitan dengan kurikulum, pedagogi, pentaksiran, dan bahan pengajaran pembelajaran, akan direka semula untuk membantu murid belajar dengan lebih berkesan dan cekap. Sekolah Bestari akan mendorong murid mengamalkan pembelajaran akses sendiri dan terarah sendiri, serta mengikut kadar pembelajaran sendiri.

Pengurus Sekolah Bestari akan dapat menjalankan tugasnya dengan lebih cekap apabila fungsi utama berkaitan dengan pengurusan sekolah dikomputerkan. Selain itu, ibu bapa, komuniti, dan pihak swasta sebagai pihak yang berkepentingan akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam menjayakan prestasi sekolah. Semua pihak akan sentiasa terlibat dalam peningkatan profesionalisme atau keilmuan berkaitan dengan pengurusan sekolah, pengajaran-pembelajaran, dan sebagainya.

► **Objektif Sekolah Bestari**

Objektif Sekolah Bestari Malaysia adalah berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan terdiri daripada yang berikut:

1	Menghasilkan tenaga kerja yang berpemikiran dan celik teknologi
2	Mendemokrasikan pendidikan
3	Meningkatkan penyertaan pihak yang berkepentingan
4	Memupuk perkembangan menyeluruh individu
5	Memberi peluang untuk peningkatan kekuatan dan keupayaan individu

► **Syarikat Usahasama, Telekom Smart School Sdn. Bhd.**

Syarikat usahasama, Telekom Smart School Sdn. Bhd, terdiri daripada tujuh buah syarikat tempatan. Selain itu, buah tiga syarikat antarabangsa juga terlibat dalam Penyelesaian Bersepadu Sekolah Bersepadu. Ketiga-tiga syarikat antarabangsa tersebut adalah seperti berikut:

1	BT Multimedia (Malaysia) Sdn. Bhd.
2	Electronic Data Systems IT Services (Malaysia) Sdn. Bhd.
3	NIIT Malaysia Sdn. Bhd.

► **Kos dan Tempoh Projek Rintis**

Kos keseluruhan Projek Rintis Sekolah Bestari melalui kerjasama ini ialah tiga ratus juta Ringgit Malaysia (RM300,000,000.00). Ini terdiri daripada RM183,573,737 untuk Capital Expenditure dan RM1 16,426,263 untuk Operating Expenditure. Manakala Tempoh Projek Rintis Sekolah Bestari, melalui kerjasama ini, ialah tiga (3) tahun mulai daripada tarikh tandatangan Perjanjian antara Kerajaan dan Telekom Sekolah Menengahart School Sdn. Bhd.

► **Penyelesaian Bersepadu Sekolah Bestari**

Komponen utama dalam Penyelesaian Bersepadu Sekolah Bestari yang akan disediakan dan dilaksanakan oleh Telekom Smart School Sdn. Bhd. ialah seperti yang berikut:

Bil	Komponen Utama
1	* Bahan Pengajaran-Pembelajaran dalam bentuk perisian kursus dan bahan bercetak untuk empat mata pelajaran yang berikut: * Bahasa Melayu * Bahasa Inggeris * Sains * Matematik

Sekolah Bestari Paling Cemerlang

Dunia pendidikan kini semakin mencabar. Justeru, banyak sekolah bestari di negara kita telah ditubuhkan dengan hasrat untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiah. Bagi menyokong hasrat murni ini, siri INFO SEKOLAH CEMERLANG ini telah diterbitkan untuk bacaan para pelajar, ibu bapa dan warga pendidik. Siri ini memaparkan empat buah judul yang mengetengahkan sekolah-sekolah cemerlang dan terbaik di Malaysia. Pelbagai info dan grafik info yang menarik, senarai alumni yang berjaya dan terkenal serta foto yang eksklusif telah dimuatkan dalam buku-buku ini. Ini bagi memberi motivasi kepada pelajar muda untuk mencontohi kejayaan alumni yang cemerlang dalam bidang akademik dan dunia kerjaya kini. Semoga buku-buku ini menjadi koleksi wajib pelajar pada masa senggang mereka.

Buku-buku dalam siri ini ialah:

- Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Paling Cemerlang
- Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Paling Cemerlang
- Sekolah Berasrama Penuh Premier Paling Cemerlang
- Sekolah Bestari Paling Cemerlang

ELEGANT MIND PUBLICATION

No. Sykt: 003133510-U

7-1, Jalan Tasik Selatan 8,

Bandar Tasik Selatan,

57000 Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Tel: 019-6216639

ISBN 978-967-2743-26-2 (set)

ISBN 978-967-2743-25-5

